

PRINSIP KEANJALAN FATWA MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

(The Principle of Flexibility of Fatwa According to Syarak's Perspective)

Abdul Manan Ismail^{1a*} dan Ahmad Syukran Baharuddin^{2b}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan, MALAYSIA
Emel: manan@usim.edu.my¹

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia
Emel: ahmadsyukran@usim.edu.my²

*Corresponding Author: manan@usim.edu.my

Received: 11 August 2023

Accepted: 13 September 2023

Published: 30 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no3.558>

Abstrak	Abstract
<p><i>Fatwa boleh ditakrifkan sebagai suatu penerangan mengenai hukum Syarak iaitu Undang-Undang Islam yang mengikut Al-Quran dan Sunnah Rasul Allah SWT. Sesuatu fatwa yang dikeluarkan tersebut bersifat anjal kerana ia boleh berubah mengikut perubahan yang merangkumi aspek masa, tempat, situasi dan realiti. Walau bagaimanapun, keanjalan tersebut mestilah berdasarkan kepada beberapa garis panduan yang telah ditetapkan oleh Syarak. Oleh itu, kajian ini akan memperjelaskan prinsip keanjalan fatwa menurut perspektif Syarak. Kajian berbentuk kualitatif ini telah menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah kajian. Data yang diperoleh kemudiannya akan dianalisis secara analisis dokumen bagi mencapai matlamat kajian. Hasil kajian menunjukkan, syariat Islam mempunyai dua komponen utama iaitu thabat yang merangkumi usul dan nilai manakala anjal berkaitan perkara cabang dan hal ehwal dunia. Berdasarkan kepada prinsip keanjalan fatwa, sesuatu fatwa boleh menerima perubahan berdasarkan kepada</i></p>	<p><i>Fatwa can be defined as an explanation of hukm Syarak, which is Islamic Law that follows the Al-Quran and the Sunnah of the Messenger of Allah SWT. A fatwa issue is flexible because it can change according to changes that include time, place, situation and reality. However, the flexibility must be based on Syarak's guidelines. Therefore, this study will clarify the principle of elasticity of fatwa according to the perspective of Syarak. This qualitative study has used the documentation method as a research method. The data obtained will then be analyzed through document analysis to achieve the study goals. The study results in show that Islamic Sharia has two main components, namely thabat, which includes propositions and values, while flexibility is related to branch matters and world affairs. Based on the principle of elasticity of fatwa, a fatwa can receive changes based on time, circumstances, reality and place changes. Therefore, the flexibility of this law is very significant in</i></p>

<p><i>perubahan masa, keadaan, realiti dan tempat.</i> Oleh itu, keanjalan hukum ini amat signifikan dalam memutuskan kemaslahatan manusia seiring peredaran zaman dan tempat.</p> <p>Kata kunci: Fatwa, prinsip keanjalan, Syarak</p>	<p><i>deciding the welfare of people along with the passage of time and place.</i></p> <p>Keywords: Fatwa, principle of flexibility, Syarak</p>
---	--

1. PENGENALAN

Keunikan hukum syarak terserah melalui kewujudan elemennya yang tetap (*thabat*) dan anjal. Umum mengetahui bahawa hukum syarak kekal *thabat* dalam isu seperti *usul*, nilai dan akhlak manakala ia bersifat anjal dalam perkara cabang dan hal ehwal dunia. Ini adalah kerana fatwa boleh berubah disebabkan oleh perubahan dari sudut masa, tempat, situasi dan realiti. Namun demikian, keanjalan tersebut mestilah berdasarkan kepada beberapa garis panduan yang telah ditetapkan.

Dalam penetapan sesuatu fatwa, elemen meraikan keadaan setempat, wasatiyyah dan perihal *mustafti* sangat dititik beratkan agar hukum yang diberikan bersesuaian serta bertepatan dengan keadaan sebenar (Ismail, 2020).

2. MAFHUM KEANJALAN FATWA

Definisi fatwa dalam kalangan para ulama terdahulu seperti Al-Jurjani (t.th) ialah penerangan mengenai hukum sesuatu masalah. Al-Mahalli (1982) pula menyatakan fatwa ialah penerangan mengenai hukum yang tidak mengikat. Manakala Ibn Hamdan (1397H) mendefinisi fatwa sebagai penerangan mengenai hukum Allah SWT berdasarkan dalil syarak dan Al-Qarafiy (2001) pula mentakrifkan fatwa sebagai penerangan mengenai hukum Allah SWT pada perkara yang mesti (*ilzam*) atau harus (*ibahah*).

Definisi fuqaha semasa juga pelbagai, antaranya Al-Qaradawi (1995) mendefinisikan fatwa sebagai penerangan mengenai hukum syarak pada suatu peristiwa bagi menjawab persoalan yang ditanya oleh penanya, khusus atau umum, perseorangan atau kumpulan. Fatwa menurut Al-Ashqar (1993) ialah penerangan mengenai hukum Allah SWT berasaskan ijtihad daripada dalil syarak kepada sesiapa yang bertanya pada peristiwa yang berlaku.

Penerangan mengenai hukum Allah SWT berasaskan ijtihad daripada dalil syarak kepada sesiapa yang bertanya pada peristiwa yang berlaku. Secara

umumnya, berdasarkan kepada pelbagai takrifan di atas, fatwa boleh didefinisikan sebagai pernyataan mufti mengenai hukum syarak yang ditanya. Keanjalan pula ialah perihal anjal, kekenyalan, keelastikan atau mudah berubah menjadi bertambah atau berkurang mengikut perubahan. (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keanjalan>)

Justeru, keanjalan fatwa diertikan sebagai keadaan sesuatu hukum syarak yang menerima perubahan dan tidak jumud berdasarkan garis panduan tertentu. Jika kita meneliti literatur fiqh, keanjalan dapat dilihat secara jelas dalam beberapa situasi dan aspek tertentu antaranya ialah pelaksanaan solat ketika musafir dan waktu peperangan. Begitu juga keanjalan yang diberikan semasa dalam keadaan seperti sakit, tertidur dan terlupa.

Dalam konteks pensyariatan syura umpamanya, Islam tidak menentukan cara syura yang perlu dilakukan sebaliknya ia dibiarkan anjal supaya kita boleh berkreatif dan menyesuaikan pelaksanaannya berdasarkan situasi dan tempat.

3. GARIS PANDUAN FATWA ANJAL

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, syariat Islam mempunyai *usul* atau prinsip *thabat* yang tidak boleh diubah. Terdapat juga beberapa hukum cabang yang boleh berubah dan bersifat anjal. Antara sebab ia berlaku demikian ialah hukum fiqh bersifat praktikal yang memberi penyelesaian kepada isu semasa berdasarkan kemaslahatan manusia. Walaubagaimanapun, keanjalan ini tidak bersifat mutlak sebaliknya mempunyai beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi.

Menurut Hasan Mahmud Abd al-Rauf Muhammad (2020) terdapat enam garis panduan utama yang perlu dipatuhi iaitu;

- i. Memelihara Nas Agama Yang Asal
- ii. Ijtihad dan mencari penyelesaian dalam perkara baharu
- iii. Membetulkan penyelewengan dalam iktikad
- iv. Keperluan melengkapi diri dengan ilmu Syariah
- v. Memanfaatkan turath islami
- vi. Wasatiyyah

Berdasarkan penelitian penulis pula, enam garis panduan ini terangkum dalam tiga garis panduan berikut;

3.1 Tiada Keanjalan dalam Perkara Prinsip

Tujuan utama keanjalan fatwa ialah untuk menghidupkan hukum agama dan meraikan perubahan serta realiti. Agama Islam terbentuk atas dua asas yang diturunkan iaitu Quran dan Sunah. Nas yang qati'e tidak boleh diubah dan ia tetap akan terpelihara sehingga berlakunya kiamat.

Dalam erti kata lain, tiada keanjalan fatwa dalam perkara *usul* ataupun prinsip seperti pengharaman riba dan judi yang telah ditetapkan hukumnya secara qati'e.

3.2 Memanfaatkan Fatwa Jama'iyyah

Penyelesaian terhadap isu baharu memerlukan fatwa mujtahid yang bukan sahaja memiliki kewibawaan ilmu dengan memiliki syarat *ta'hiliyyah* yang ketat bahkan perlu memahami keadaan semasa dan realiti setempat. Antara syarat *ta'hiliyyah* seseorang mujtahid menurut Imam al-Suyuti (1982) ialah menguasai ilmu berkaitan Quran yang banyak meliputi pengetahuan tentang sebab *nuzul* Quran, *nasikh mansukh*, uslub dan *dalalatnya*. Di samping itu juga menguasai ilmu berkaitan Sunah yang pelbagai antaranya mengetahui sebab *wurud* Sunah, ilmu berkaitan matan dan sanadnya, ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* serta manhaj *muhaddithin* dalam penulisan hadis. Begitu juga menguasai ilmu usul fiqh merangkumi ilmu seperti cara pendalilan dan *al-ta'arud wa al-tarjih*.

Namun demikian, syarat mujtahid agak sukar untuk dipenuhi pada zaman sekarang. Justeru bagi memastikan institusi fatwa terus berfungsi dengan baik, pendekatan yang boleh diambil ialah dengan merealisasikan *fatwa jama'iyyah*.

Fatwa secara kolektif atau *fatwa jama'iyyah* amat diperlukan terutamanya bagi membincangkan permasalahan yang melibatkan kepentingan bersama umat Islam sama ada di peringkat tempatan, nasional mahupun antarabangsa. Kemunculan isu semasa yang kompleks dengan keterbatasan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh individu ulama memerlukan kepada sinergi para ilmuwan dalam bidang kepakaran yang pelbagai. (Ismail & Baharuddin, 2021).

3.3 Wasatiyyah

Salah satu daripada garis panduan keanjalan fatwa juga ialah wasatiyyah. Wasatiyyah dalam mengeluarkan fatwa ialah mengutamakan prinsip keringanan dan kemudahan berbanding memilih untuk merumitkan atau menimbulkan keresahan. Konsep ini bertepatan dengan Syariat Islam yang dibina atas dasar kemudahan iaitu untuk memberi keselesaan dan keringanan serta menghindari kepayaan terhadap manusia (Falih ibn Muhammad: T.th)

Islam adalah agama yang mudah dan penuh dengan toleransi, justeru wasatiyyah dalam berfatwa terhasil dengan melaksanakan hukum-hakam Syariah secara sederhana sebagaimana yang dijelaskan dalam Quran dan Sunah Nabi (s.a.w) iaitu tidak bersifat melampau dengan mengharamkan yang halal dan tidak berkecenderungan untuk menghalalkan yang haram (Ismail, A. M: 2020)

Konsep ini telah jelas dinyatakan dalam Quran dan Sunah, antaranya ialah firman Allah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Allah tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”.

(Al-Baqarah: 185).

Terdapat banyak ayat Quran dan hadis Nabi s.a.w yang mengandungi maksud ‘memudahkan’ dalam urusan agama dan tidak melampau serta menyusahkan dalam melakukan ibadat dan ketaatan. Rasulullah (s.a.w) telah menunjukkan kepada kita bahawa antara perkara yang membezakan risalah Islam daripada risalah sebelumnya adalah sifat toleransi dan memudahkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Baginda Rasulullah (s.a.w) dalam suatu Hadis yang diriwayatkan oleh Anas (r.a):

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا، وَسَكِّنُوا وَلَا شَنَقُرُوا

Maksudnya: “Mudahkanlah, dan jangan menyusahkan, tenangkan dan jangan menakutkan mereka”.

(Riwayat Al-Bukhari, 2007).

Sirah Nabi (s.a.w) menunjukkan cara muamalah Baginda (s.a.w) ketika bersama-sama para sahabatnya berdasarkan prinsip memudahkan dan

menyenangkan. Buktinya terlalu banyak sehingga tidak terkira, tetapi memadai dengan membawakan satu kisah yang berlaku kepada seorang sahabat nabi (s.a.w) yang datang kepada Baginda (s.a.w) yang mana beliau menginginkan satu penyelesaian bagi masalah yang dihadapinya, beliau yang merupakan seorang faqir dan tidak memiliki sebarang makanan untuk dimakan. Abu Hurairah (r.a) menjelaskan keadaan tersebut sebagaimana riwayat yang berikut;

يَنِبَّأُنَا نَحْنُ جَلْوَسٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ جَاءَهُ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ كُنْتُ؟ قَالَ: «مَا لَكَ؟» قَالَ: وَقَعْدَتُ عَلَى امْرَأَتِي وَأَنَا صَائِمٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هَلْ تَجِدُ رَقَبَةً تُعْنِفُهَا؟» قَالَ: لَا، قَالَ: «فَهَلْ تَسْتَطِعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ»، قَالَ: لَا، فَقَالَ: «فَهَلْ تَجِدُ إِطْعَامَ سِتِّينَ مِسْكِينًا؟» . قَالَ: لَا، قَالَ: فَمَكَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَبَيْنَا نَحْنُ عَلَى ذَلِكَ أُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرَقٍ فِيهَا تَمْرٌ - وَالْعَرْقُ الْمَكْتُلُ - قَالَ: «أَيْنَ السَّائِلُ؟» فَقَالَ: أَنَا، قَالَ: «حُذْهَا، فَتَصَدَّقْ بِهِ» فَقَالَ الرَّجُلُ: أَعَلَى أَفْقَرَ مِنِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَوَاللَّهِ مَا بَيْنَ لَابَتِيهَا - يُرِيدُ الْحَرَثَيْنِ - أَهْلُ بَيْتِ أَفْقَرُ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي، فَضَحِّكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَأْتُ أَنْبَاهُ، ثُمَّ قَالَ: «أَطْعَمْهُ أَهْلَكَ»

Maksudnya: "Ketika kami duduk bersama Rasulullah (s.a.w), seorang lelaki datang kepada Baginda (s.a.w) dan berkata: "aku telah binasa ya Rasulullah. Sabda Baginda (s.a.w): "Apa yang telah terjadi kepada kamu?", lelaki tersebut berkata: aku telah bersama isteriku (bersetubuh) ketika aku sedang berpuasa. Sabda Baginda (s.a.w) lagi: "Adakah kamu mendapati seorang hamba untuk dimerdekakan?" Jawab lelaki tersebut: "Tiada", Abu Hurairah berkata: Maka Baginda (s.a.w) duduk, ketika kami berada dalam situasi tersebut, didatangkan kepada Baginda (s.a.w) satu bekas yang mengandungi tamar, Baginda (s.a.w) bertanya: Dimanakah orang yang bertanya tadi? Lelaki tersebut berkata: "Saya," Baginda (s.a.w) bersabda: "Ambillah tamar tersebut, dan sedekahkanlah ia." Lelaki tersebut berkata: Adakah sesiapa lagi yang lebih susah daripada saya wahai Rasulullah (s.a.w)? Maka demi Allah, tiada ahli keluarga yang lebih fakir daripada ahli keluargaku, maka tiba-tiba Rasulullah (s.a.w) ketawa sehingga menampakkan gigi taringnya, lantas Baginda (s.a.w) bersabda: "berikan ia kepada ahli keluargamu".

(Riwayat Al-Bukhari, 2007)

4. SOROTAN KEANJALAN FATWA DI INSTITUSI FATWA MALAYSIA

Terdapat juga perubahan fatwa yang berlaku di beberapa negeri di Malaysia. Penulis akan membawa dua contoh sighah keputusan fatwa yang berubah seperti pelaburan dalam skim amanah saham nasional (ASN) dan skim amanah saham bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima (http://efatwa.penang.gov.my/fatwa_details.php?fatwaid=1027).

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.4/2017 yang bersidang pada 15-16 Ogos 2017 telah membincangkan "Pelaburan Dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) Serta Dividen atau Bonus Yang Diterima." Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Berdasarkan taklimat dan penjelasan yang telah diberikan oleh pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB), mesyuarat mendapati bahawa:
 - i. Saiz pelaburan PNB sangat besar sehingga industri kewangan dan pasaran modal Islam masih tidak mencukupi untuk menampungnya. Justeru, PNB terpaksa mewujudkan saringan maqasid syariah, melakukan beberapa inisiatif penambahbaikan dan menstrukturkan pelaburannya bagi mencapai matlamat dan memastikan ia patuh syariah;
 - ii. Objektif keseluruhan PNB boleh dikaitkan kepada maqasid syariah untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat bumiputera yang majoritinya beragama Islam. Hasil daripada pelaburan-pelaburan saham yang dibuat secara keseluruhan adalah memelihara salah satu daripada lima maslahah utama syarak yang dikenali sebagai *daruriyyat* yang lima iaitu melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta;
 - iii. Maslahah yang dibawa oleh PNB kepada umat Islam dan bumiputera adalah untuk menjaga kepentingan negara seperti kestabilan politik dan ekonomi, keperluan kepakaran dalam industri-industri yang kritikal dan menjaga aset-aset strategik negara. Di samping itu, kepentingan hasil daripada pelaburan-pelaburan saham iaitu jumlah pendapatan daripada pelaburan tersebut juga merupakan kepentingan yang perlu dijaga. Ini kerana jumlah pendapatan pelaburan tersebut disalurkan semula

kepada umat Islam dan bumiputera sebagai dividen;

- iv. Dalam konteks PNB, pelaburan dalam syarikat-syarikat yang terlibat bukan sahaja dapat melindungi salah satu daripada lima asas utama ini, bahkan ia dapat melindungi beberapa elemen yang berkepentingan untuk menyokong lima asas tersebut;
 - v. PNB telah hampir memaksimumkan pelaburan dalam sekuriti pelaburan dan sekuriti pendapatan tetap patuh syariah dengan jumlah pelaburan PNB iaitu RM33 bilion yang hampir menyamai jumlah modal berbayar bank-bank patuh syariah. Manakala dua pertiga iaitu 66 peratus pelaburan ekuiti PNB adalah patuh syariah mengikut Suruhanjaya Sekuriti;
 - vi. PNB juga telah melaksanakan perubahan inisiatif-inisiatif penambahbaikan lain seperti akad yang jelas akan diguna pakai di dalam pelaburan, ke arah penyelesaian isu sekuriti pendapatan tetap (*fixed income securities*) dan pasaran wang, meningkatkan perniagaan patuh syariah (*shariah compliant*) di dalam Syarikat Kumpulan Maybank dan menasihati para pelabur yang beragama Islam untuk membayar zakat sekiranya cukup haul dan nisab.
2. Prinsip sesuatu hukum itu berubah mengikut *illahnya*. Menurut Dr. Muhammad Sidqy al-Burnu di dalam "*Mausu'ah al Qawa'id al Fiqhiyyah*" (3/195):

"الحكم يدور مع علته وجوداً وعدماً: إذا وجدت العلة أو السبب ثبت الحكم بها، فإذا زالت العلة أو السبب، زال الحكم بزوالها ، وانتهى بانتهائهما؛ لأن الحكم يدور مع علته وسببه وجوداً وعدماً".

Maksudnya: "Hukum berubah mengikut perubahan *illah* (sebab) : Apabila wujud *illah* atau sebab sabitlah hukum baginya sebaliknya hukum akan berubah apabila tiada *illah* atau sebab, terhenti dengan terhentinya *illah* atau sebab, kerana hukum itu mengikut kewujudan serta ketiadaan *illahnya...*"

3. Sehubungan dengan itu, setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan maslahah umat Islam serta mengelakkan kemudarat yang lebih besar, hukum melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus.

4. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang pada 16 Jun 1999 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 30 Disember 2009 mengenai Hukum Umat Islam Melabur Dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) adalah dibatalkan.

- a) Pelantikan Hakim Syar'ie Wanita

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-2/2016 yang bersidang pada 12 April 2016 bersamaan 4 Rejab 1437H memutuskan bahawa: "*Harus bagi mana-mana wanita muslim memegang jawatan sebagai Hakim Syar'ie dalam kes Mal tetapi tidak harus dalam kes jenayah berat (ad-dima')*". (<https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa/2016/664-fatwa-hukum-pelantikan-hakim-syar-ie-wanita>).

Fatwa ini berubah daripada fatwa yang sebelumnya iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 26-27 Jun 2006 telah memutuskan seperti berikut:

- i. Wanita tidak harus memegang jawatan sebagai hakim syar'ie. Ini berdasarkan dalil-dalil seperti berikut maksudnya: "Kaum lelaki adalah pemimpin dan pengawal bertanggungjawab terhadap kaum wanita oleh kerana Allah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaannya) atas orang-orang perempuan. Dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka. Manakala sabda Rasulullah Shollallahu 'Alaihi Wassalam: bermaksud "sesuatu bangsa yang dipimpin oleh wanita tidak akan berjaya". (<https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa/2006/725-hukum-pelantikan-hakim-syar-ie-wanita>)

5. ANALISIS PERUBAHAN FATWA BERDASARKAN PRINSIP KEANJALAN

Penulis berpandangan perubahan fatwa yang berlaku ini adalah manifestasi kepada keanjalan hukum yang boleh berubah mengikut perubahan *illah*. Ketiadaan *illah* yang menyebabkan haramnya melabur dalam ASB dan ASN telah merubah hukum haram kepada harus. Hasil daripada keluwesan hukum yang mengambil kira perubahan *illah* telah memberi ruang ijтиhad yang lebih anjal kepada para mufti untuk mengeluarkan fatwa yang bersesuaian dengan keadaan serta realiti dan bertepatan dengan maslahah

semasa.

Dari sudut yang lain, menjaga kepentingan dan maslahah serta menghindarkan kemudaratan yang lebih besar juga merupakan salah satu bentuk keanjalan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Hasan Mahmud (2020). Oleh yang demikian, keharusan ASB dan ASN yang diasaskan berteras kepada penjagaan kepentingan dan maslahah umat Islam serta mengelakkan kemudaratan yang lebih besar, merupakan satu bentuk keanjalan yang secocok dengan syarak.

Dalam konteks fatwa yang mengharuskan wanita muslim memegang jawatan sebagai hakim syar'ie dalam kes mal pula, ia adalah salah satu bentuk keanjalan hukum dalam perkara *zanniyyat* yang dibolehkan berbeza pendapat. Justeru, para mufti boleh memilih pandangan yang dilihat memiliki kemaslahatan lebih besar bagi sesuatu kelompok masyarakat.

Keunikan fatwa yang bukan hanya melihat semata-mata kepada dalil sebaliknya meraikan juga kepelbagaian situasi, realiti dan keperluan setempat telah menggalakkan lagi keanjalan hukum dan keluwesan fatwa. Begitulah halnya dalam perubahan fatwa berkaitan perjawatan hakim syari'e wanita yang telah mengambil kira keadaan semasa.

Jika dinilai dari sudut menepati garis panduan fatwa anjal, kita boleh merumuskan perkara seperti berikut;

- i. Kedua-dua fatwa yang berubah ini menepati garis panduan keanjalan hukum yang pertama apabila ia tidak bertentangan dengan prinsip atau usul syarak. Sebaliknya, perubahan fatwa berlaku kerana *illah* hukum telah berubah bagi isu berkaitan pelaburan ASB dan ASN. Manakala fatwa berkaitan perjawatan hakim syari'e wanita pula masih dalam kerangka perbezaan pendapat fuqaha terhadap perkara *zanniyyat*.
- ii. Perubahan fatwa yang berlaku telah melalui proses *ijtihad jama'i* dan bukan bersifat fatwa secara individu. Fatwa ini masing-masing telah diputuskan secara kolektif menerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
- iii. Fatwa yang menyenangkan dan memberi keringanan kepada pelbagai pihak malah dalam masa yang sama tidak dipermudah-mudahkan sebenarnya telah mengangkat makna wasatiyyah yang diperlukan dalam sesuatu fatwa yang dikeluarkan. Ternyata, kedua-

dua fatwa ini telah memberi makna wasatiyyah yang dikehendaki dalam garis panduan fatwa anjal.

6. KESIMPULAN

Syariat Islam mempunyai dua elemen utama iaitu *thabat* dan juga anjal. Keutuhan prinsipnya yang *thabat* dan kukuh bukan bererti ia tidak boleh menerima perubahan dalam isu tertentu seperti yang berkait dengan kemaslahatan dan uruf setempat. Justeru, fatwa boleh menerima perubahan berdasar kepada perubahan keadaan, masa, realiti dan tempat dengan garis panduan tertentu. Keanjalan hukum ini amat signifikan dalam memastikan kemaslahatan manusia dapat ditangani pada setiap zaman dan tempat.

7. PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiaya oleh ANR Dynamic Ventures (Kod Penyelidikan: USIM/ANR DYNAMIC VENTURES/FSU/LUAR-S/42122).

8. RUJUKAN

Al-Qur'an.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, al-(2007). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Ashqar, Muhammad Sulayman. 1993. *al-Futya wa Manahij al-Ifta'*, Amman, Dar al-Nafa'is.

Al-Jurjani, Ali bin Muhammad Bin Ali al-Sayyid al-Zain Abi al-Hasan al-Husaini al-Jurjani al-Hanafi, t.th. *al-Ta'rifaat*. Kaherah: Maktabah Mustafa Bab al-Halabiy wa Auladuh.

Al-Mahalli, Syams al-Din Muhammad. 1982. *Hasyiah al-Bannani alla Matn Jam'u al-Jawami'*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Qaradawi, Yusof. 1995. *Al-Fatwa Bayn al-Indhibat wa al-Tasayyub*. Cet. Ke-2. Beirut: al-Maktab al-Islamiy.

Al-Qarafi Syihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Idris al-Shanhaji, 2001. *Kitab al-Furuq*. Kaherah: Dar al-Salam.

Al-Suyuti, Abdul Rahman ibn Abi Bakr, Jalaluddin. (1982). *Taqrir al-Istinad Fi Tafsir al-Ijtihad*. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah, m.s 47-50.

e-Fatwa Penang. 2017. *Pelaburan dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta Dividen atau Bonus yang Diterima*. Diambil daripada http://efatwa.penang.gov.my/fatwa_details.php?fatwaid=1027

Hasan Mahmud Abd al-rauf Muhammad. (2020). *Murunat al-Fatwa fi al-Shari'at al-Islamiyyah : dar al-Ifta' al-Misriyyah Anmuzajan*. Majallat al-Buhuth al-Fiqhiyyah wa al-Qanuniyyah. Jilid 35. Bil. 1. Kaherah: Al-Azhar University.

Ibn Hamdan, Ahmad bin Hamdan al-Harraniy al-Hanbaliy. 1397H. *Sifat al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Cet. ke-3. Beirut: Al-Maktab al-Islamiyy.

Ismail, A. M. & Baharuddin A. S. (2021). Prinsip Ketelitian dalam Pengeluaran Fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2). <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2>.

Ismail, A. M. (2020). Fatwa Sebagai Mekanisme Pencegahan Penularan Pandemik COVID19. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1).

Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2006. *Hukum Pelantikan Hakim Syar'ie Wanita*. Diambil daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa/2006/725-hukum-pelantikan-hakim-syar-ie-wanita>

Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2016. *Fatwa Hukum Pelantikan Hakim Syar'ie Wanita*. Diambil daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa/2016/664-fatwa-hukum-pelantikan-hakim-syar-ie-wanita>

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Diambil daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keanjalan>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.